

**NO. SOALAN : 3**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI [ TITIWANGSA ]**

**TARIKH JAWAPAN : 10 JUN 2014 (SELASA)**  
**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan

**:-**

- (a) sejauh manakah perjanjian antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor ke atas pembinaan Loji Langat 2 telah dipenuhi dan dimuktamadkan; dan
- (b) bilakah ianya akan dilaksanakan dan berapa lamakah lagi masa yang akan diambil bagi memulakan kerja-kerja pembinaan loji tersebut.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan Kerajaan Negeri Selangor sedang dalam peringkat akhir untuk memasuki Perjanjian antara kedua-dua pihak bagi memperincikan tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi melaksanakan Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani pada 26 Februari 2014. Perkembangan mutakhir ini membolehkan cadangan langkah jangka panjang untuk menjamin bekalan air yang berterusan di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dapat direalisasikan.
  
2. Susulan kepada peringkat akhir sebelum Perjanjian antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor ditandatangani, Kerajaan Persekutuan melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) telah mengeluarkan Surat Setuju Terima untuk Pakej 2A iaitu pembinaan loji rawatan air dan telah diberikan (*awarded*) kepada Kontraktor yang berjaya di mana tarikh milik tapak bermula pada 30 April 2014. Pihak kontraktor telahpun memulakan kerja-kerja awal projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan

Sistem Agihan (LRAL2) membabitkan kerja-kerja ukur tanah dan penandaan sempadan sementara menunggu kelulusan-kelulusan yang berkaitan dari Kerajaan Negeri Selangor. Berdasarkan perancangan, LRAL2 dijangka mengambil masa selama 33 bulan dan akan siap sepenuhnya pada 30 April 2017.

\*\*\*\*\*